

ISU LGBT DI MALAYSIA : SATU TINJAUAN TERHADAP ASPEK KAJIAN

LGBT ISSUES IN MALAYSIA: A REVIEW OF RESEARCH ASPECTS

^{i*} Mohamad Afandi Md Ismail, ⁱⁱ Mohd Sabree Nasri, ⁱ Muhamad Hasif Yahaya, ⁱ Ikmal Hafiz Jamal, ⁱ Muhammad Najib Abdul Wakil

ⁱ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam

ⁱⁱ Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Melaka

*(Corresponding author) email: mohamadafandi@uitm.edu.my

ABSTRAK

Perkataan “LGBT” semakin menjadi bualan dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira pelbagai peringkat umur, kaum, agama dan budaya. Perkara ini berlaku ekoran daripada pelbagai isu yang timbul yang dibawa oleh kelompok ini dalam masyarakat. Kelompok LGBT yang berselindung dibalik propaganda kebebasan dan hak asasi manusia ini telah menjadikan ia sebagai suatu tumpuan terhadap berbagai kajian dipelbagai peringkat. Penulisan ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauhmanakah kajian yang menyentuh tentang isu LGBT telah dilaksanakan di Malaysia. Seterusnya membuat rumusan dan mencadangkan kajian-kajian lain yang dilihat berpotensi untuk dilaksanakan. Penulisan akan menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada kajian kepustakaan yang merangkumi pelbagai bentuk bahan seperti artikel jurnal, akhbar, fatwa, kajian-kajian ilmiah, dan pelbagai lagi. Hasil penulisan mendapati bahawa terdapat beberapa aspek yang kajian menjadi tumpuan pengkaji sebelum ini iaitu aspek perkembangan, penerimaan dan hukuman, kesan dan isu yang timbul, faktor-faktor penglibatan, serta cadangan bagi mengatasi gejala LGBT. Justeru, beberapa cadangan aspek kajian yang lain telah dikemukakan sebagai cadangan kajian-kajian lanjutan yang berkait dengan isu LGBT di Malaysia yang boleh dilaksanakan.

Kata Kunci: *LGBT, isu, permasalahan, aspek kajian, Malaysia.*

ABSTRACT

The word "LGBT" is becoming the most popular issue talked about among Malaysians regardless of age, race, religion, and culture. This is due to various issues that have arisen brought by this group in society. The LGBT group that hides behind the propaganda of freedom and human rights has made it a focal point for various studies at various levels. This paper is intended to review the extent to which studies that touch on LGBT issues have been implemented in Malaysia. Next, conclude and suggesting other studies that are seen as potential for implementation. Writing will use qualitative methods concerning library studies that include various forms of material such as journal articles, newspapers, fatwas, scientific studies, and others. The findings of writing found that several aspects being the focus of previous researchers, namely aspects of development, acceptance, and punishment, effects and issues that arise, factors involved, as well as suggestions to overcome LGBT symptoms. Thus, several other aspects of the study have been submitted as suggestions for further studies related to LGBT issues in Malaysia that can be implemented.

Keywords: *LGBT, issues, problems, aspects of research, Malaysia.*

Pendahuluan

Isu berkenaan dengan Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual/Transgender atau lebih dikenali sebagai “LGBT” bukan lah isu baru di Malaysia. LGBT ini dikatakan telah bertapak dalam negara ini sejak awal tahun 1980 dengan kegiatan mak nyah dan pondan. (Nor Hafizah & Nor Saleha. 2016). Dengan pertapakan tersebut akhirnya membawa kepada pelbagai isu dan masalah berkait dengan moral dan kehidupan masyarakat dalam negara ini. Penubuhan pelbagai organisasi, pertubuhan dan persatuan termasuk beberapa NGO menjadikan kegiatan golongan LGBT di Malaysia semakin berani untuk menyuarakan pendapat dan menuntut pelbagai hak dan kebebasan termasuk yang bertentangan dengan undang-undang negara. Golongan ini dilihat bergerak melalui sokongan dan dokongan pelbagai pihak dengan menjadikan isu hak kebebasan asasi sebagai tunjang perjuangan mereka.

Kesan daripada perjuangan golongan LGBT ini akhirnya membawa kepada pelbagai masalah dan isu termasuk perilaku jenayah semakin tersebar dalam kalangan masyarakat. Pelbagai usaha telah digerakkan oleh banyak pihak dalam menangani masalah ini. Namun, terdapat pelbagai rintangan juga perlu dihadapi oleh pihak berkenaan. Kajian yang menyentuh tentang gejala LGBT di Malaysia telah dilakukan oleh banyak pihak. Yang mana hasil daripada kajian-kajian ini telah digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan sebagai rujukan dan panduan bagi mereka menyelesaikan segala masalah yang wujud daripada gejala LGBT. Namun begitu, dengan keadaan masyarakat semasa yang masih lagi terpalit dengan pelbagai isu yang menyentuh tentang gejala LGBT menunjukkan bahawa kajian berkenaan dengan LGBT ini perlu diperhebatkan lagi agar meliputi setiap aspek yang diperlukan.

Oleh yang demikian penulisan ini adalah bertujuan untuk meninjau kajian-kajian yang telah pun dilaksanakan oleh para pengkaji yang menyentuh tentang isu LGBT di negara ini. Penulisan ini akan mengguna pakai metodologi kajian kepustakaan dengan merujuk kepada pelbagai sumber bagi mendapatkan bahan dan data yang diperlukan. Bahan-bahan tersebut kemudiannya akan dianalisis dan elemen yang diperlukan akan dikeluarkan untuk dijadikan sebagai kajian sorotan. Hasil daripada penulisan ini mendapati pelbagai kajian yang menyentuh tentang gejala LGBT telah dijalankan oleh penyelidik tempatan termasuk pihak media massa dan elektronik yang sentiasa memaparkan isu-isu yang menyentuh tentang gejala LGBT. Kajian tersebut meliputi aspek perkembangan, penerimaan dan hukuman, kesan dan isu yang timbul, faktor-faktor penglibatan, serta cadangan bagi mengatasi gejala LGBT.

Kajian Berkenaan Dengan LGBT

Kajian lepas ada yang menfokuskan kepada golongan LGBT, ada juga menfokuskan kepada golongan Lesbian dan Gay atau nama lainnya homoseksual, seterusnya pula ada kajian yang menfokuskan kepada golongan transgender dan transeksual. Secara umumnya, kajian-kajian ini mempunyai titik persamaan bahawa perlakuan golongan LGBT ini merupakan suatu cara hidup yang songsang dan berlawanan dengan fitrah dan norma manusia. Bukan itu sahaja, perlakuan LGBT ini boleh mengganggu keharmonian dan menjejaskan sistem sosial masyarakat (Abdul Majid. et al. 2019).

Kajian berkenaan dengan perkembangan LGBT

Perkembangan LGBT di Malaysia jika diteliti berdasarkan kajian yang telahpun dijalankan oleh beberapa pengkaji yang lepas, hasil kajian menyebutkan bahawa berita-berita yang menyentuh tentang isu LGBT ini di Malaysia tidak diberikan perhatian secara serius oleh pihak media. Namun, media massa dan elektronik di Malaysia dilihat secara berperingkat mula meletakkan berita tentang LGBT ini berada diruangan bacaan masyarakat secara umum. Walaubagaimanapun, kandungan berita-berita tersebut secara dasarnya diletakkan dalam gambaran yang bercampur antara positif dan negatif. Kajian oleh (Yusof. 2017) telah merumuskan bahawa kandungan berita yang ditulis lebih bersifat memberikan pengajaran, amaran dan pendirian kerajaan, golongan ilmuan dan pihak-pihak NGO terhadap isu golongan ini.

Ramli et al. (2017) menyatakan bahawa gejala LGBT ini sudah merebak dan menjadi suatu fenomena di Malaysia dengan bermacam tuntutan telah dilakukan oleh golongan ini atas prinsip hak asasi manusia sebagai alasan untuk mengiktiraf kewujudan mereka. Kesannya dengan melihat pemaparan isu LGBT pada masa kini semakin kerap dibincangkan dalam media cetak, elektronik mahu pun media baharu. Kenyataan ini turut disokong oleh Mahfuzah (2015) yang juga telah menulis sebuah artikel menyentuh dengan isu LGBT. Menurut kajiannya LGBT telah mula masuk ke dalam sosio masyarakat Malaysia sejak sekian lama, sehingga tertubuhnya pelbagai pertubuhan dan organisasi yang menyokong mereka secara tersusun dan terancang. Kenyataan yang sama juga dapat dilihat daripada kajian yang dilakukan oleh Mohamad Yusof Helmy (2017). Kajian beliau yang bertajuk “Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita”, telah mengetengahkan data yang saintifik bagi menyatakan bahawa isu LGBT ini semakin menjadi perbincangan dan ikutan oleh masyarakat di Malaysia.

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Kamal et.al (2015) berkenaan dengan pengibatan masyarakat Malaysia dalam gejala LGBT. Berdasarkan hasil kajian beliau mendapati bahawa, melalui aspek peratusan profil rakyat Malaysia yang berdaftar dengan laman sosial berkait dengan LGBT menunjukkan kaum Cina sebagai yang tertinggi iaitu sebanyak 70% diikuti dengan kaum Melayu iaitu 19% dan 11% lagi merangkumi kaum-kaum lain.

Selain daripada penulisan artikel dan kajian yang dilakukan oleh para akademik, terdapat juga pelaporan yang ditulis oleh pihak akhbar menyentuh tentang isu LGBT samada secara dalam talian atau secara bercetak. Antaranya ialah laporan berita yang dibuat oleh Azrin (2018) yang menyentuh berkenaan dengan perbuatan meliwat, sentuhan terhadap tubuh dan beberapa lagi perbuatan yang bersifat seksual dilakukan terhadap sekumpulan pelajar sekolah tahfiz oleh pengetuanya sendiri. Laporan berita oleh Ali (2018) pula menyatakan bahawa gejala LGBT juga dilaporkan semakin menular dalam kalangan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT). Antara gejala yang semakin serius ialah seks songsang dan seks luar tabi'e. Malah berlaku juga beberapa program yang mempunyai unsur LGBT yang telah dan cuba dirancang serta dianjurkan di beberapa IPT di Malaysia khususnya institut pengajian tinggi swasta (IPTS).

Dalam pada itu, terdapat juga laporan-laporan daripada pihak akhbar yang menyentuh tentang pandangan beberapa ahli politik tempatan berkenaan dengan isu LGBT. Antara yang menjadi perhatian ialah Datuk Dr. Khairuddin Aman Razali iaitu Ahli Parlimen Kuala Nerus yang telah memuji pendirian Tun Dr. Mahathir berhubung dengan penolakan amalan LGBT di Malaysia. Menurut beliau tindakan tersebut adalah langkah sangat tepat dan menepati ajaran Islam, perundangan negara, norma masyarakat, dan nilai kemanusiaan sejagat. Dalam pada masa yang sama, beberapa ahli Parlimen Malaysia juga seperti Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man telah menyarankan bahawa tindakan yang tegas perlu diambil keatas mana-mana figura termasuk pertubuhan yang berdaftar yang cuba untuk mengiktiraf dan mempertahankan perlakuan LGBT dengan melalui kaedah manipulasi prinsip hak asasi manusia. Beliau juga menggesa kabinet untuk mendesak suatu kenyataan rasmi oleh Perdana Menteri berhubung sekatan secara menyeluruh dilakukan terhadap sebarang bentuk promosi berkait dengan LGBT di Malaysia dikeluarkan segera. (Badrul. 2018)

Azhari & Aimy (2011) turut melaporkan terdapat Himpunan Seksualiti Merdeka pada 1 hingga 13 November 2011 yang melibatkan kira-kira 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu. JAKIM (2019) turut melaporkan bahawa kini golongan ini sering kelihatan berkempen secara terbuka dengan menganjurkan pelbagai himpunan, persidangan dan program seperti persidangan Promosi LGBT, yang bakal berlangsung di Malaysia, pada 3-4 ktober 2019. Namun penganjurannya telah dibatalkan akibat berlaku bantahan awal. Penganjuran program dan kempen ini bagi menuntut hak kesaksamaan gender serta mengiktiraf pengamal seks songsang seperti LGBT untuk mengamalkan gaya hidup pilihan mereka secara sah dan terbuka (Nasrudin Hassan 2011).

Tidak cukup dengan itu, (Mohd Iskandar. 2018) turut melaporkan bahawa golongan LGBT telah mempromosi dan menyebarkan fahaman mereka dalam Festival Georgetown 2018 yang

dianjurkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang dengan memaparkan dua poster aktivis LGBT sebagai ikon dalam program berkenaan. Malah (Rafidah. 2017) telah menyatakan bahawa agenda membawa gaya hidup LGBT ini mula dibawa lebih awal ke arus perdana apabila majalah *National Geographic* edisi 2017 mempromosinya sebagai trend terkini. Selain itu, golongan ini juga turut aktif mempromosikan agenda mereka di alam maya. Mereka membina jaringan disebabkan oleh kemudahan dan keterbukaan yang terdapat dalam media sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan *Twitter* (Kamal Azmi Abd Rahman. 2015).

Kajian berkenaan dengan faktor-faktor kepada gejala LGBT

Terdapat juga kajian lepas yang dijalankan, menjelaskan perbincangan berkaitan dengan faktor-faktor berlakunya gejala LGBT. Kajian oleh Megat Ahmad & Md Nawawi (2015) menjelaskan gejala kecelaruan identiti ini berlaku disebabkan dua faktor iaitu faktor masa silam dan faktor perasaan. Faktor masa silam seperti hubungan dengan ibubapa dan faktor perasaan pula seperti pandangan terhadap diri yang berasa selesa dengan penampilan yang berlawanan dengan jantintanya. Tambahan itu, dalam kajian Zakaria & Dollah (2012) menjelaskan terdapat dua faktor utama tercetusnya gejala LGBT iaitu faktor semulajadi kejadian manusia seperti khunsa dan faktor yang dibentuk seperti psikologi, didikan dan persekitaran. Nek Mah Batria et al. (2016) menambah melalui kajiannya mendapati faktor-faktor penyebab berlakunya homoseksual bukan sahaja bergantung kepada faktor-faktor persekitaran sahaja tetapi disebabkan faktor pemakanan dan pengambilan ubatan-ubatan. Tidak cukup dengan itu, kajian oleh Ahmad et al. (2015), menambah bahawa tiga faktor utama remaja terlibat dengan gejala lesbian adalah kurangnya penghayatan dalam agama, pengaruh rakan-rakan, faktor kekeluargaan dan keserasian antara pasangan sejenis. Manakala, kajian oleh Sulaiman et al. (2017) mendapati bukan sahaja faktor kurangnya penghayatan agama yang menjadikan seseorang itu LGBT, tetapi faktor masyarakat, kerja, seks, dan faktor diri sendiri turut menyumbang perlakuan sedemikian. Oleh yang demikian daripada beberapa kajian yang disebutkan, maka jelas bahawa faktor sifat semulajadi, hubungan kekeluargaan, penghayatan agama yang kurang dan faktor keadaan persekitaran adalah penyumbang kepada perilaku gejala LGBT dalam masyarakat.

Chang Lee Wei, et al. pula dalam penulisannya “Transgenderism in Malaysia” telah menulis tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada percanggahan identity gender iaitu salah satu daripadanya ialah pemikiran dan norma dominan sesuatu masyarakat terhadap sempadan gender. Menurut individu yang tidak dapat mengidentifikasikan dirinya dalam mana-mana kelompok genital dianggap sebagai mengalami masalah kecelaruan sistem gender. Malah terdapat beberapa lagi kajian yang menyokong faktor genital ini dengan meletakkan faktor genetik juga menjadi punca kepada penglibatan dalam gejala LGBT. Kajian oleh (Mat Saat 2001; Ahmad Tarmizi 2016; dan Abdul Latif 2000) yang melibatkan unsur-unsur genetik menyimpulkan bahawa genetik juga adalah faktor kepada terlibatnya seseorang kedalam masalah LGBT.

Selain itu, terdapat kajian menyentuh tentang faktor didikan ibu bapa dan kekeluargaan antara punca utama kepada masalah LGBT dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja. Hal ini dibuktikan melalui kajian oleh (Meriam 2003; Farahwahida & Sharifah 2010; Roseliza 2013 dan Khadijah 2012) yang kesemuanya menekankan bahawa ibu bapa dan keluarga menjadi faktor utama kepada penglibatan anak-anak dan ahli keluarga mereka dalam gejala LGBT. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohamad Ramzi et.al (2020) yang menyatakan bahawa terdapat banyak punca yang membawa kepada perlakuan transgender dan LGBT iaitu faktor ibu bapa, genetik, rakan sebaya, media massa dan teknologi, serta masyarakat. Menurut kajian yang telah dilakukan ke atas pelajar yang beragama Islam itu, hasil kajian mendapati pelajar Islam di sekolah mudah terpengaruh dengan budaya negatif yang dibawa oleh golongan transgender berpunca daripada masalah persekitaran dalaman dan luaran yang tidak dikawal sehingga menggabakan pelajar sekolah. Faktor pemilihan rakan, media massa dan teknologi seperti yang dinyatakan oleh pengkaji juga telah dinyatakan dalam kajian oleh Suriati et. al (2012) yang mengkaji tentang difusi ruangan budaya transeksualisme dan

imaginasi geografi pelajar dan hasil kajian menyatakan bahawa peranan rakan dan media sangat penting dalam penyebaran budaya transeksual serta pengaruh media sosial terhadap penglibatan kepada aktiviti LGBT serta membawa kepada keruntuhan akhlak golongan remaja.

Kajian berkenaan dengan penerimaan dan hukuman kepada perbuatan LGBT

Kajian oleh Javaid & Elani (2013) menyatakan bahawa beberapa negara seperti Yaman, Arab Saudi, Nigeria, Mauritania, Sudan dan Iran telah memperuntukkan hukuman mati kepada pesalah homoseksual termasuk hukuman jувana bagi pesalah yang masih diperingkat bawah umur. Bagi negara Malaysia adalah jelas bahawa perbuatan LGBT disifatkan sebagai perbuatan yang haram dan dilarang mengikut hukum syarak dan undang-undang Islam. Hal ini kerana, perbuatan mengubah bentuk tubuh badan daripada seorang lelaki kepada wanita atau sebaliknya tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan syariat merupakan perbuatan yang haram dalam Islam. Perbuatan menukar jantina tidak kira daripada lelaki kepada wanita atau wanita kepada lelaki adalah jelas haram dan bercanggah dengan hukum syarak. Hal ini kerana perbuatan seumpama itu adalah semata-mata mengikut hawa nafsu, terpedaya dengan godaan syaitan, tidak bersyukur dengan nikmat kejadian diri dan tergolong di dalam kategori mengubah kejadian Allah (JAKIM 2010: 8). Nor Hafizah et.al (2016) dalam penulisannya menyebutkan bahawa larangan Islam terhadap gaya hidup homoseksual menunjukkan bahawa LGBT hakikatnya bukan sekadar masalah moral, sebaliknya dalam neraca Islam sebagai al-Dīn, ia mempunyai kaitan langsung dengan amalan beragama orang Islam seperti aurat, perkahwinan, nasab, keturunan, faraid dan lain-lain.

Sistem perundangan di Malaysia telah meletakkan perundangan Islam yang terdapat di setiap negeri-negeri di Malaysia ini terpakai kepada semua orang yang beragama Islam. Oleh yang demikian, telah dinyatakan secara jelas bahawa perbuatan LGBT ini merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri yang mana peruntukan kesalahannya merangkumi kesalahan seperti liwat, lelaki berlagak seperti perempuan, perempuan berlagak seperti lelaki, musahaqah, perhubungan jenis luar tabi'e, pondan dan hubungan jenis antara orang yang sama jantina. Maka kesemua berikut adalah terkandung sebagai peruntukan kesalahan yang terdapat dalam setiap akta, enakmen dan ordinan negeri-negeri di seluruh Malaysia (Laman web e-fatwa 2019: 172).

Laporan daripada akhbar juga tidak ketinggalan dalam melaporkan pandangan daripada beberapa pihak yang terkait dengan isu LGBT ini seperti Mufti dan golongan agamawan. Menyentuh tentang perkara ini Haradian (2018) telah melaporkan bahawa rentetan daripada kes pasangan lesbian yang dikenakan hukuman sebatan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu yang lalu, Mufti Negeri Sembilan iaitu Datuk Muhamad Yusof Ahmad berkata hanya golongan yang jahil akan menentang dan tidak menyokong pelaksanaan hukuman tersebut. Beliau menambah, perlakuan LGBT ini sememangnya haram dalam Islam dan seluruh mufti dalam negara ini sepakat tentang perkara itu dan menyokong hukuman tersebut. Tambahnya lagi, sekiranya terdapat bantahan daripada anggota kabinet atau pihak kerajaan berkenaan dengan hukuman tersebut, tindakan tersebut boleh disifatkan sebagai menghina mahkamah.

Ashgar & Yusof (2018) menyatakan bahawa LGBT adalah satu jenayah yang boleh dihukum dibawah undang-undang jenayah syariah dan juga undang-undang Sivil Malaysia. Mereka juga berpandangan golongan LGBT tidak boleh menggunakan pendekatan hak asasi sebagai sebab untuk diterima perjuangan mereka kerana perjuangan hak asasi sepatutnya menjurus kepada perjuangan memulihkan hak rakyat yang telah dilucutkan dan mengembalikan semula maruah yang tercalar. Maka perjuangan hak asasi bukanlah berjuang bagi menggalakkan perbuatan yang haram, tidak bermoral, tidak rasionaal dan bertentangan dengan fitrah manusia.

Kajian tentang kesan & isu yang timbul daripada LGBT

Terdapat beberapa kajian yang menyentuh tentang kesan dan isu yang timbul daripada gejala LGBT ini. Rentetan daripada perkembangan kumpulan-kumpulan hak asasi manusia dan NGO yang menyokong idealism kebebasan individu serta mendapat sokongan dalam kalangan masyarakat di Malaysia pelbagai gejala sosial yang bersifat negatif mula mengambil tempat dan menyusup dalam sosio kehidupan masyarakat dalam negara ini dan antara yang paling menonjol ialah LGBT (Mahfuzah. 2015; Ramli. 2017; Helmi. 2017). Kenyataan ini dosokong oleh (Norehan. 2012) yang menyatakan bahawa pertubuhan dan kumpulan yang menjalankan gerakan LGBT ini merupakan gerakan diskriminasi bentuk baru yang bernaung diatas nama hak asasi manusia. Gerakan ini telah memanipulasi Hak Asasi Manusia (HAM) untuk mempertahankan dan membenarkan perbuatan mereka. Tindakan gerakan ini secara umumnya telah menghina kesucian agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia dan perundangan Malaysia, malah secara tidak langsung telah menggugat ketenteraman awam dan keamanan beragama dalam negara ini.

Nor Hafizah & Norsaleha. (2016) telah menulis berkenaan dengan Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia. Di dalam penulisan tersebut mereka telah menyatakan bahawa manusia kini berhadapan krisis yang amatbesar dan kritikal dalam kehidupan mereka. Krisis identiti diri dan nilai ketamadunan merupakan kesan yang berlaku akibat daripada manusia celaru dengan gaya hidup dan perlakuan yang lari daripada asas kemanusiaan yang sebenar, maka implikasinya ialah tamadun yang tercipta dari perlakuan mereka itu juga bukan tamadun manusia. Malah kajian oleh Ahmad et al. (2015) yang mengkaji tentang gaya hidup golongan lesbian mendapati bahawa golongan lesbian ini merasa bahagia dengan gaya hidup mereka sedemikan. Hubungan yang baik dalam kolompok komuniti lesbian itu sendiri menjadikan mereka tidak lagi mengambil peduli tentang kritikan masyarakat yang akhirnya menjadikan mereka sukar untuk kembali kepada norma hidup normal.

Dalam pada masa yang sama, Afiq (2018) telah melaporkan bahawa rentetan daripada kes hukuman sebat pasangan lesbian oleh Mahkamah Syariah Terengganu, wujud pelbagai stigma negatif terhadap institusi perundangan syariah dalam negara oleh oleh beberapa kelompok masyarakat. Menurut Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman yang merupakan mantan Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, tindakan Mahkamah menjatuhkan hukuman tersebut adalah tepat dan menepati lunas peruntukan undang-undang tanpa berlaku sebarang pelanggaran prosedur. Menurut beliau lagi, kesalahan yang dilakukan oleh golongan tersebut sememangnya salah menurut hukum syarak dan dakwaan yang mengatakan berlaku pelanggaran hak asasi manusia adalah salah.

Kajian daripada (Norihan Zakaria & Zain Dollah. 2012) pula telah menyatakan bahawa segala kegiatan dan pergerakan kumpulan LGBT ini dianggap sebagai suatu manipulasi terhadap konsep hak asasi manusia. Mereka cuba untuk mewujudkan gerakan diskriminasi bentuk baru bagi memperjuangkan dan mempertahankan perbuatan mereka melalui Hak Asasi Manusia (HAM). Gerakan LGBT di negara ini semakin berani dan agresif sehingga mencetuskan satu fenomena yang agresif dengan secara tidak langsungnya telah menghina kesucian agama Islam sebagai agama persekutuan di Malaysia dan memperlekehkan perundangan Malaysia, malah telah menggugat ketenteraman awam dan keamanan beragama dalam negara ini.

Terdapat juga isu percubaan untuk menafikan bidangkuasa dan undang-undang Islam dalam negara ini. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat sekumpulan golongan LGBT yang telah memfailkan satu kes semakan kehakiman di Mahkamah Sivil. Dalam kes Juzaili & Anor lwn Kerajaan Negeri Sembilan & Anor pada tahun 2012. Pada asalnya kes ini bermula dengan penahanan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama atas kesalahan mengikut Seksyen 66, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 iaitu kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan. Juzaili dan rakan-rakannya telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Namun mereka tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan dengan dakwaan bahawa mereka menghidap *Gender Identity Disorder* (GID) yang membuatkan segala perbuatan mereka yang berkelakuan seakan perempuan seperti bersolek dan berpakaian seperti wanita. Ekoran daripada itu,

mereka telah memohon di Mahkamah Tinggi Negeri Sembilan bagi membuat semakan kehakiman ke atas keputusan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, namun telah ditolak.

Mereka kemudiannya telah membuat rayuan diatas perkara yang sama kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan semakan kehakiman tersebut dengan keputusan bahawa Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 adalah bertentangan dengan Perkara 5(1), 8(1) dan (2), 9(2) dan 10(1) (a) Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan undang-undang tersebut tidak sah dan terbatal. Keputusan Mahkamah Rayuan ini telah membangkitkan suatu kekusaran dalam kalangan pengamal undang-undang Islam yang meliputi pihak berkuasa agama, peguam syarie serta pelbagai pihak lain. Oleh yang demikian, Rayuan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sembilan di Mahkamah Persekutuan untuk mengeneipkan keputusan Mahkamah Rayuan tersebut dan mengembalikan semula keyakinan masyarakat terutamanya orang Islam terhadap perundangan Islam dalam negara ini. Keputusan Mahkamah Persekutuan akhirnya memihak kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang mana Mahkamah telah mengeneipkan keputusan Mahkamah Rayuan sebelum ini.

Perjalanan kes ini sebenarnya memperlihatkan bahawa, golongan LGBT ini bukan sekadar isu perbuatan mereka yang tidak bermoral dan mengundang ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat, tetapi apa yang lebih penting ialah impak yang mampu dibawa oleh golongan ini terhadap sistem perundangan terutamanya perundangan Islam adalah sangat besar. Walaupun pada akhirnya mereka gagal, tetapi sokongan yang diberikan oleh kelompok pro LGBT ini yang merangkumi golongan profesional dan golongan celik pandai perundangan seolah memberikan gambaran bahawa mereka sangat berani, serius dalam perjuangan mereka dan segala tindak tanduk mereka perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak.

Zuraidah Abdullah, Che Zarrina dan Lee Wei Chang telah menulis tentang Transgenderisme di Malaysia : Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah Dari Perspektif Psikospiritual Islam (2018). Di dalam penulisan tersebut mereka telah menyatakan bahawa fenomena transgender telah membawa kepada wujudnya pelbagai organisasi dan pertubuhan yang dirancang secara tersusun bagi menyokong perjuangan mereka. Mereka dilihat semakin agresif apabila setelah didedahkan dengan perjuangan hak-hak mereka sepertimana yang dilakukan oleh golongan mereka negara lain. Justeru, pelbagai isu dan masalah timbul akibat tuntutan hak oleh golongan ini. Seajar dengan perkembangan kumpulan-kumpulan transgender di Malaysia, maka timbullah beberapa isu yang menggugat akhlak masyarakat dan agama Islam hari ini. Antara isu utamanya ialah perlakuan transgender adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam sebagai agama Persekutuan. Pernyataan ini disokong oleh (Johari Yap. 2018), menurutnya perjuangan golongan LGBT ini bukan sahaja mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat akan tetapi mendatangkan kemudaratan yang kritikal khususnya kepada golongan LGBT itu sendiri. Mereka hilang identiti diri yang sebenar dan jati diri sebagai anak bangsa yang bermoral dan berkualiti.

Terdapat juga kajian yang menyentuh tentang pertambahan mendadak dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan LGBT. JAKIM mendedahkan populasi komuniti gay pada tahun 2018 direkodkan seramai 310,000 iaitu peningkatan hampir 100%, berbanding pada tahun 2013 iaitu seramai 173,000. Manakala, bagi golongan transgender pula pada tahun 2018 merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu, berbanding pada tahun 1998 iaitu hanya seramai 10,000 (Mohd Ali. 2018). Kesan daripada pertambahan tersebut, maka wujud isu pertambahan kes HIV dalam kalangan komuniti iaitu kadar kes HIV yang melibatkan golongan LGBT ini meningkat dengan mendadak setiap tahun kepada 1,697 kes pada tahun 2017 berbanding hanya 63 kes pada tahun 2000 (Ridauddin Daud, 2018). Kes ini tidak mustahil akan meningkat dari tahun ke tahun sekiranya golongan LGBT ini semakin mendapat tempat di Malaysia. Perkara ini disokong dengan data yang dikeluarkan oleh (Majlis AIDS & Yayasan AIDS. 2016) yang mana menurut laporan yang dikeluarkan mendapati wujud masalah terhadap tahap kesihatan masyarakat akibat daripada perlakuan LGBT dalam negara ini. Kesan daripada perilaku dan aktiviti oleh golongan LGBT ini, ia telah membawa kepada

penyebaran pelbagai penyakit berjangkit antaranya ialah HIV/AIDS. Sebagai buktinya, rekod menunjukkan bahawa jangkitan HIV sebahagian besarnya berpunca daripada golongan heteroseksual iaitu sebanyak 42 peratus. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa golongan homoseksual dan bisexual menjadi penyumbang kedua kepada jangkitan HIV iaitu sebanyak 36 peratus.

Terdapat juga isu berlaku desakan daripada golongan LGBT ini untuk mendapatkan pengiktirafan daripada beberapa pertubuhan utama dunia. Menurut (Zainul Rijal. 2018) golongan ini semakin bertindak agresif dengan merancang dan menyusun gerak langkah untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap perlakuan mereka. Antara yang ketara ialah tuntutan oleh Gabungan NGO Hak Asasi Manusia (Comango) kepada kerajaan Malaysia untuk menerima syor-syor mereka dalam Semakan Berkala Sejangat (UPR) tahun 2013 anjuran Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland. Antara tuntutan Comango yang berkaitan dengan golongan LGBT ialah mereka menuntut supaya Malaysia menerima Hak SOGI (Sexual Orientation & Gender Identity); iaitu pengiktirafan orientasi seksual LGBT sebagai hak-hak asasi manusia sejangat. Bukan itu sahaja, Comango turut meminta kerajaan Malaysia untuk meminda seksyen 377A Kanun Keseksaan berhubung jenayah liwat atas alasan bahawa jenayah liwat merupakan undang-undang yang tidak relevan dan ketinggalan zaman. Malahan, Comango turut mendesak supaya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri seluruh Malaysia dimansuhkan dan pindaan terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah kerana didakwa bertentangan dengan hak kebebasan peribadi (Izzat Amsyar. 2018).

Ashgar & Yusof (2018) menyatakan bahawa segala aktiviti dan perilaku golongan LGBT ini adalah menyalahi syarak dan undang-undang. Mereka berpendapat sekiranya undang-undang yang sah gagal menghalang atau peranan pihak berkuasa tidak mampu membendung gejala LGBT ini, adalah dibimbangi berlaku peningkatan kes penceraian dalam kalangan suami isteri akibat daripada kemampuan pasangan yang telah berkahwin untuk mendapatkan kepuasan hubungan seks melalui aktiviti LGBT. Kesan besarnya akan membawa kepada ketidak harmonian dalam kehidupan berkeluarga dan keruntuhan institusi kekeluargaan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini diskong melalui kajian oleh Bell & Weinberg (1978) yang merumuskan bahawa terdapat risiko yang sangat tinggi terhadap berlakunya masalah kesihatan mental dan tingkah laku berisiko serta penyalahgunaan arak dan dadah dalam kalangan remaja yang terlibat dengan aktiviti LGBT berbanding remaja normal.

Disamping itu, wujud juga isu dan masalah yang berkait dengan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa. Dalam usaha penguatkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang menyentuh tentang aktiviti perilaku LGBT dalam negara ini, terdapat banyak desakan dan gangguan oleh pertubuhan yang pro kepada golongan LGBT ini. Pelbagai tuduhan yang tidak berasas dilemparkan kepada badan penguatkuasa dengan menyifatkan bahawa Malaysia tidak mematuhi memorandum berkait dengan hak asasi manusia (Mahfuzah. 2015).

Kajian oleh Ahmad et.al (2015) pula menyatakan bahawa berlaku ketidakseimbangan terhadap kehidupan mereka yang terlibat dengan LGBT yang membawa kepada masalah kemurungan, putus asa, dan perlakuan bunuh diri. Puteri Hayati (2015) pula menyatakan bahawa mereka yang terlibat dengan LGBT ini sanggup melakukan apa sahaja sehingga ke tahap merosakkan diri sendiri seperti mengamalkan hubungan seks sejenis, menawarkan perkhidmatan seks dan melaksanakan pembedahan tukar jantina. Hal ini membawa kepada pelbagai lagi masalah dalam institusi keluarga seperti penceraian. Kajian Asyraf (2016) menunjukkan bahawa pasangan yang terlibat dengan LGBT antara punca kepada lebih 92, 768 kes penceraian antara tahun 2012-2014. Hal ini berpunca daripada masalah hubungan seksual seperti khunsa, lesbian, homoseksual atau gay, seks luar tabi'e dan pengubahsuaian alat kelamin.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa berlaku isu dan masalah berkaitan dengan LGBT ini menyentuh tentang isu penguatkuasaan undang-undang. Kajian oleh Mohd Farok et.al (2017) mengatakan bahawa pihak berkuasa berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran ketika menguatkuasakan undang-undang terhadap golongan LGBT ini. Antaranya ialah ketidaksesuaian SOP ketika melakukan tangkapan. Bentuk tubuh badan golongan pondan sebagai contohnya yang sememangnya seperti perempuan akan menjadi isu ketika pemeriksaan badan hendak dilakukan yang mana berlaku kekeliruan untuk menetapkan samaada perlu diperiksa oleh penguatkuasa lelaki atau perempuan. Akhirnya membawa kepada persoalan terhadap pematuhan SOP selain daripada kredibiliti pegawai penguatkuasa agama yang sering dipersoalkan akibat kurangnya pemahaman dan latihan. Maka Bahagian Penguatkuasaan sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam tugas mereka menguatkuasakan undang-undang dan mencegah jenayah dalam masyarakat (Siti Zubaidah et.al. 2014).

Kajian tentang cadangan mengatasi gejala LGBT

Terdapat juga beberapa kajian yang menyentuh tentang cadangan kepada penyelesaian isu LGBT ini. Antaranya ialah kajian oleh Mahfudzah Mohamad (2015); Abd Malib & Mustafa (2014); Mohamad Afandi & Muhd Sabree (2019); dan Suhaya Deraman (2013) mencadangkan agar penyelesaian melalui pendekatan undang-undang seperti penguatkuasaan undang-undang sedia-ada, semakan undang-undang, dan pelaksanaan undang-undang kesalahan jenayah syariah digunapakai sebaiknya bagi mengatasi masalah LGBT ini. Melalui perbincangan yang menyentuh tentang aspek perundangan, ianya secara tidak langsung akan mendedahkan kepada umum tentang kesalahan-kesalahan yang wujud dalam akta sedia ada yang menyentuh tentang perilaku LGBT. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Zubaidah (2000) yang menyentuh tentang penguatkuasaan undang-undang yang terdapat dalam kesalahan jenayah syariah dan Kanun Keseksaan. Menurut beliau keseksaan atau hukuman melalui mekanisma perundangan perlu dilihat sebagai satu kaedah pencegahan terhadap sesuatu kesalahan kerana tujuan utama sesuatu undang-undang itu digubal adalah untuk mengelakkan pesalah mengulangi kesalahan yang telah dilakukan dan seterusnya menjaga perilaku masyarakat.

Muht Izzat (2019) pula menyarankan agar segala aktiviti dan kegiatan yang mempunyai unsur mempromosikan LGBT perlu disekat sepenuhnya. Segala maklumat berkenaan dengan apa-apa juga perhimpunan dan penganjuran program perlu dideklarasikan termasuk berkaitan dengan objektif, penceramah dan pihak penganjur seperti dalam Seksyen 9(1), Jadual Keempat, Akta Perhimpunan Aman 2012. Bagi penganjuran program di tempat persendirian pihak berkuasa perlu sentiasa melakukan pemantauan bagi mencegah perbuatan LGBT dijalankan.

Kajian oleh Owoyemi & Sabri (2014); Kumarashwaran (2015) serta Yusof Helmi Ramli et al. (2017) pula mencadangkan penganjuran kempen kesedaran melalui media massa dan elektronik, seminar dan bengkel serta tayangan filem dan drama yang memperlihatkan kesan buruk perbuatan LGBT dipergiatkan sebagai usaha memberi kesedaran kepada masyarakat tentang gejala LGBT dan membawa golongan yang telah terjebak dengan LGBT kepada kehidupan manusia normal. Hassan & Mohamed (2014) dan Sulaiman et al. (2017) pula mencadangkan pendekatan kaunseling dan penghayatan agama sebagai salah satu cara merawat dan membawa golongan yang telah terjebak dengan LGBT ini kembali kepada fitrah dan kehidupan sebenar. Jabatan Agama Islam Selangor pula berpandangan peranan golongan agamawan dan keprihatinan masyarakat amat ditagih dalam memastikan gejala LGBT ini dapat dipulihkan dan disekat perkembangannya melalui langkah-langkah persediaan dan sentiasa peka keatas isu-isu yang melibatkan LGBT.

Cadangan tersebut selari dengan hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Johari Yap (2018) yang menyimpulkan bahawa golongan transgender khususnya mak nyah ini adalah menjadi tanggungjawab masyarakat bagi membimbing dan mengembalikan mereka kepada fitrah asal mereka. Pelbagai usaha perlu dilakukan seperti bimbingan kaunseling Islam, psikoterapi Islam, *outreach*, kem

motivasi, bantuan kebajikan sosial dan sebagainya perlu diberikan dan dipergiatkan lagi oleh semua lapisan masyarakat bagi membantu golongan LGBT tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh (Abdul Majid. et al. 2019) pula mengetengahkan berkenaan penggunaan kaedah fiqh boikot terhadap golongan LGBT. Dapatan daripada kajian ini menjelaskan kekuatan dan keberkesanan kaedah boikot perlu diteliti dengan lebih mendalam sebelum melaksanakan pemboikotan terhadap golongan LGBT ini. Kekuatan kaedah boikot ini boleh dilihat melalui sejauhmana kaedah boikot ini boleh mendatangkan kebaikan ataupun mengundang kemudaratan yang lebih besar. Sekiranya kaedah boikot ini boleh menyedarkan dan mengembalikan golongan LGBT ke jalan yang benar, maka kaedah boikot ini wajar untuk dilaksanakan dengan jitu. Akan tetapi, sekiranya boikot yang dilakukan boleh mengundang keburukan yang lebih besar berbanding kebaikan, perlu difikirkan kaedah lain yang lebih sesuai dan harmoni.

Dalam pada masa yang sama, kajian oleh JAKIM (2015) menyebutkan bahawa golongan pendidik, pemikir dan pemimpin masyarakat sering juga memberi maklum balas bahawa budaya songsang dan gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan umat Islam berada pada tahap yang semakin serius. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak JAKIM dan agensi yang berkait untuk mengatasi masalah ini sesuai dengan bidangkuasa dan peranan masing-masing. Antaranya, penerbitan Modul dan Manual Kaunseling Syarie, Manual HIV dan AIDS serta melaksanakan program pemulihan kepada golongan yang terlibat dalam gejala keruntuhan akhlak dan budaya hidup songsang. Namun begitu, ianya masih tidak cukup kerana permasalahan akhlak dan sahsiah masih terus membelenggu kehidupan umat Islam. Oleh itu, usaha-usaha bagi menanganinya perlu dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh.

Dapatan Kajian Dan Cadangan

Melalui sorotan yang telah dijalankan, dapatlah dilihat bahawa terdapat pelbagai kajian yang menyentuh tentang LGBT telah dijalankan oleh beberapa pengkaji di Malaysia. Terdapat lima aspek utama yang menjadi fokus kajian iaitu perkembangan, faktor yang mempengaruhi penglibatan, penerimaan dan hukuman terhadap gejala LGBT, kesan dan isu yang timbul daripada LGBT dan cadangan bagi mengatasi gejala LGBT. Daripada beberapa aspek yang telah dikaji ini aspek kesan dan isu kepada gejala LGBT serta kajian tentang faktor yang mempengaruhi penglibatan masyarakat dengan LGBT dilihat sebagai aspek kajian yang paling banyak dilaksanakan oleh para pengkaji. Hal ini mungkin disebabkan oleh keterujaan para pengkaji untuk mengenalpasti apakah yang menjadi punca kepada penglibatan masyarakat dalam gejala LGBT dan seterusnya memfokuskan hasil kajian kepada masyarakat dan pihak yang berkepentingan agar diambil tindakan selanjutnya. Seterusnya pengkaji mula membuat kajian berkenaan dengan apakah kesan dan isu yang timbul apabila seseorang itu terlibat dengan gejala LGBT.

Aspek penerimaan dan hukuman keatas perilaku LGBT pula merupakan aspek kajian yang paling sedikit dilaksanakan oleh pengkaji di Malaysia. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya kes-kes tangkapan terhadap pelaku LGBT ini, maka membawa kepada kurangnya perbincangan berkenaan dengan aspek berkenaan. Sekiranya lebih banyak bilangan kes tangkapan dan pendakwaan yang melibatkan pesalah LGBT dapat dilakukan oleh pihak berkuasa, berkemungkinan aspek hukuman terhadap pelaku LGBT ini akan lebih dibincangkan ekoran daripada perbincangan dan maklum balas orang ramai terhadap hukuman yang telah disabitkan oleh mahkamah.

Beberapa aspek kajian adalah dicadangkan untuk menjadi fokus para pengkaji berhubung dengan LGBT di Malaysia antaranya ialah kajian langkah pemulihan terhadap pelaku LGBT dan peranan masyarakat dalam menyelesaikan isu LGBT. Cadangan kajian ini dilihat penting kerana pemulihan terhadap pelaku LGBT penting bagi memastikan kumpulan pelaku LGBT ini dapat dipulihkan dengan segera dan tidak membiarkan mereka terus berada dalam keadaan berkenaan, malah

bagi menghindarkan mereka daripada mempengaruhi orang lain untuk turut serta dengan gejala LGBT. Selain itu, cadangan kajian berkenaan dengan peranan yang mampu diambil oleh masyarakat pula penting bagi memberikan maklumat kepada masyarakat tentang apakah usaha yang boleh mereka ambil bagi mengatasi gejala LGBT ini dari terus merebak selain dari hanya membiarkan masyarakat sekadar memberi komen yang negatif dan berterusan memberi kecaman tanpa sebarang usaha pencegahan dan pemulihan.

Kesimpulan

Kajian berkenaan dengan LGBT di Malaysia sememangnya telah banyak dilaksanakan oleh para pengkaji dan juga dihebahkan oleh media massa tempatan. Hal ini membuktikan bahawa isu gejala LGBT di Malaysia tidak pernah dipandang sepi. Banyak pihak yang sentiasa peka dan sentiasa mengambil berat berhubung dengan masalah LGBT ini. Walaubagaimanapun, kajian-kajian ini tidak boleh berhenti setakat yang telah sedia ada sahaja. Pelbagai lagi kajian menyentuh tentang isu LGBT boleh dan perlu dilaksanakan agar hasil daripada kajian-kajian tersebut boleh digunakan oleh pelbagai pihak dalam menguruskan isu berkenaan dengan LGBT ini. Cadangan kajian yang telah diberikan diharap dapat dilaksanakan oleh para pengkaji akan datang bagi memastikan gejala LGBT di Malaysia sentiasa diambil berat dari setiap aspek.

Rujukan

- Afiq Mohd. 2018. "Hormati Undang-Undang Syariah Islam," disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 5 september 2018
- Ahmad Tarmizi Muhammad. 2016. "Kes Kekeliruan Gender (Khuntha): Analisis dari Perspektif Islam dan Perubatan". *Jurnal Penyelidikan Islam*. No 27, Wilayah Persekutuan: JAKIM.
- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J., & Wan Mohd Zan, W. M. S. 2015. "Faktor dan Cara Gaya Hidup serta Kemungkinan Kembali Pulih dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes". *Journal of Social Sciences and Humanities*. 10 (1):001-015
- Amran Hassan & Noriah Mohamed. 2014. "Alternatif Keagamaan Dan Kaunseling: Sebagai Rawatan Utama Mengatasi Permasalahan Homoseksualiti". *Journal of Human Development and Communication*. 3 :79-92
- Ashgar Ali & Yusuff Jelili. 2018. "LGBT: An Evaluation of Sharia Provisions and The Laws Of Malaysia and Nigeria". *GJAT*. 8 (1):15-29
- Asraf Wajdi Dusuki. 2016. "LGBT antara punca lebih 90,000 pasangan bercerai," Malay Mail Online.
- Azhari Zainooddin & Muhamad Aimy Ahmad. 2011. "20 NGO anjur Seksualiti Merdeka", disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 2 november.
- Badrul Hafizan. 2018. "Bawa Pendirian Tolak LGBT ke Parlimen," disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 24 september
- Farah Wahida Mohd Yusof & Sharifah Munirah Timmiati. 2011. "Lelaki Lembut: Faktor dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa". *Jurnal Teknologi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Farhana Joni. 2012. "18 kes cerai punca hubungan songsang", disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 1 april.
- Hamdan Abdul Kadir. 2007. "Faktor Pendorong ke Arah Menjadi Lelaki Lembut dan Cadangan Modul Intervensinya". Kertas Kerja di Bentangkan dalam Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM., Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor, pada 28-29 November 2007.
- Haradian Syah. 2018. "Jahil Punca Bantah Sebat," disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 9 september
- <http://www.e-fatwa.gov.my>. Fenomena LGBT di Malaysia, hlm.172
- Jabatan Agama Islam Selangor. 2016. "Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum". Shah Alam: Cetakan Jabatan Agama Islam Selangor.
- JAKIM. 2019. Laman di website YADIM, <https://www.yadim.com.my/v2/tak-perlu-teruskan-persidanganpromosi-lgbt/>, pada 3 Jun

- Javaid Rehman & Eleni Polymenopoulos. 2013. "Is Green A Part Of The Rainbow? Sharia, Homosexuality, And LGBT Right In The Muslim World". *Fordham International Law Journal*. 37 (1):1-52
- Johari Yap. 2018. "Bahaya Ancaman LGBT". disiarkan dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 24 Julai
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Mastura Md. Nizam & Ain Balkis Mohd Azam. 2015. "Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT". *Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kes Juzaili & anor vs Kerajaan Negeri Sembilan. No Rayuan Sivil NO. N-01-498-11/2012
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. "Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja". *Journal of Social Science and Humanities*. 7(1). 131-140.
- Kumarashwaran Vadevelu. 2015. "Pengetahuan Berkaitan HIV/AIDS Dan Sistem Sokongan Sosial Yang Diterima Oleh Golongan Belia Transgender Di Pulau Pinang". Tesis Doktor Falsafah.
- Mahfuzah Mohamad. 2015. "Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah". *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. 19:29-36
- Majlis AIDS dan Yayasan AIDS Malaysia. 2016. "Snapshot of HIV & AIDS in Malaysia". Diakses daripada laman web <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>
- Marziana Abd. Malib & Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. 2014. "Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?". *Journal Of Business And Social Development*. 2(2):48-61.
- Mat Saat Baki. 2001. "Ujian Psikometrik Identifikasi Kecelaruhan Gender". Konvesyen PERKAMA Ke-10: Kaunseling Kecelaruhan Gender (12-13 Mei 2001). Persatuan Kaunseling Malaysia.
- Meriam Omar Din. 2000. "Kajian Kes Kaunseling Seksualiti: Masalah Seorang Dewasa Transeksual". *Jurnal PERKAMA*. 8:153-173.
- Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. 2019. "Gejala LGBT Di Malaysia : Isu dan Cadangan Penyelesaian". *Journal of Law & Governance*. 2(1):1-12
- Mohamad Fakhri Mohd Ali. 2018. "Jumlah LGBT Terus Meningkatkan", disiarkan dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 29 Oktober.
- Mohamad Yusof Helmy Ramli, Rani Ann Balaraman & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh. 2017. "Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita". *Jurnal Forum Komunikasi*. 12 (2):59-74
- Mohd Ali. 2018. "Waspada LGBT pelajar Universiti," disiarkan dalam laman akhbar Utusan Melayu bertarikh 9 Oktober
- Mohd Azrin. 2018. "LGBT cemar Institusi Tahfiz," disiarkan dalam laman akhbar Utusan Melayu bertarikh 14 Oktober 2018
- Mohd Farok Mat Nor, Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Azizah Mat Rashid & Maffuza Salleh. 2017. "Skop dan Peranan Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Sarawak: Kupasan dan Cadangan Penambahbaikan". *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*. 229-247
- Mohd Iskandar Othman. 2018. "Henti Promosi LGBT Di Pulau Pinang", disiarkan dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 7 Ogos
- Muhammad Ramzi Zakaria, Mohd Izzat Izzuddin Jafri & Nurul Hidayah Mohd Salleh. 2020. "Punca Permasalahan Transgender Dalam Kalangan Pelajar Islam di Malaysia". Diakses melalui <https://www.academia.edu/39052895/>
- Muhd Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan Shafie, Hisyam Hanapi, Fareed Mohd Hassan. 2019. "Salah laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-Undang sebagai Mekanisme Pembantaranan dan Kawalan". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*.
- Nasrudin Hassan. 2011. "Seksualiti Merdeka 2011: Kembalilah kepada Fitrah", disiarkan dalam laman akhbar Sinar Harian bertarikh 4 November
- Nek Mah Batri, Farahwahida Mohd Yusof, Siti Norlina Muhammad, Ahmad Muhyiddin Hassan, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron. 2016. "Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains". *Sains Humanika*. 8 (4):45-54
- Nor Hafizah & Norsaleha. 2016. "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT)". *Jurnal Pengajian Islam*, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, 9:103-119